



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 20 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	TIADA LAPORAN PENIPUAN DAFTAR PPS UNTUK DAPATKAN BANTUAN BANJIR - POLIS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1042282/tiada-laporan-penipuan-daftar-pps-untuk-dapatkan-bantuan-banjir-polis	HMETRO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/belum-ada-kes-tipu-pindah-ke-pps-untuk-dapat-bantuan/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	JKM PIHAK TERAWAL BANTU IBU ZAYN RAYYAN BERI KAUNSELING	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1042233/jkm-pihak-terawal-bantu-ibu-zayn-rayyan-beri-kaunseling	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	PLATFORM GOBARAKAH PERMUDAHKAN UMAT ISLAM BERWAKAF	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/platform-gobarakah-permudahkan-umat-islam-berwakaf/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	KEMPEN KOMUNITI PENYAYANG 2023 AYAM BRAND™ PERKASA 1,065 KANAK-KANAK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/640337/berita/nasional/kempen-komuniti-penyayang-2023-ayam-brandtrade-perkasa-1065-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/kempen-komuniti-penyayang-2023-ayam-brand-memperkasa-1065-kanak-kanak-demi-masa-depan-yang-lebih-cerah/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2255632	BERNAMA.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

20/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	MAHKAMAH KESAL, KEPUTUSAN KES HENDAP JURUGAMBAR WANITA DITANGGUH ESOK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/640357/berita/semasa/mahkamah-kesal-keputusan-kes-hendap-jurugambar-wanita-ditangguh-esok	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	550 BAYI DISELAMATKAN DARIPADA DIBUANG DI TONG SAMPAH, KAKI LIMA	
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/12/1190687/550-bayi-diselamatkan-daripada-dibuang-di-tong-sampah-kaki-lima	BHARIAN.COM.MY



Tiada laporan penipuan daftar PPS untuk dapatkan bantuan banjir - Polis

Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my



KEADAAN banjir di Kampung Gual Tok Deh di Pasir Mas. FOTO Bernama

Rantau Panjang: Polis menjalankan siasatan sekiranya ada laporan mengatakan berlaku penipuan membabitkan mangsa banjir yang mendaftar di pusat pemindahan sementara (PPS).

Ketua Polis Kelantan Datuk Muhammad Zaki Harun bagaimanapun berkata, setakat ini tiada laporan dibuat mana-mana pihak berhubung perkara itu.


Katanya, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) sudah pasti menjalankan tugas dengan sebaiknya dalam menguruskan proses pendaftaran mangsa banjir di setiap PPS.

"Persepsi berkenaan berkemungkinan timbul susulan jumlah mangsa berpindah yang ramai berbanding tahun sebelum ini, namun kami masih tidak menerima sebarang aduan berkaitan.

"Selain itu, laporan pecah masuk rumah mangsa banjir juga tidak diterima, justeru penduduk diharap agar tidak bimbang serta berpindah ke PPS demi keselamatan. Tambahan pula, anggota bertugas sentiasa menjalankan rondaan di kawasan terjejas" katanya selepas menyampaikan sumbangan banjir di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Rantau Panjang 2, di sini, hari ini.

Media sebelum ini melaporkan sebilangan penduduk di Kelantan didakwa sanggup menipu dengan berpindah ke PPS semata-mata untuk mendapatkan bantuan banjir, sedangkan kediaman mereka tidak terkesan bencana itu atau setakat dinaiki air pada paras amat cetek.

Malah, ada dalam kalangan mereka dikatakan turut memanggil anak mereka yang berada di luar daerah lokasi banjir supaya pulang ke kampung halaman dan berpindah ke PPS untuk 'merebut' bantuan RM3,500 bagi setiap keluarga yang disediakan kerajaan.



JKM pihak terawal bantu ibu Zayn Rayyan beri kaunseling

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my



ISMANIRA, gambar fail. FOTO Ihsan Pembaca

Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) antara pihak terawal yang tampil memberi bantuan kaunseling kepada ibu kanak-kanak autisme, Zayn Rayyan Abdul Matiin, ketika anaknya dilaporkan hilang pada 5 Disember lalu.

Jurucakap JKJ berkata, pihaknya menerusi JKJ Selangor memberikan bantuan itu sebaik menerima maklumat mengenai kehilangan kanak-kanak berusia enam tahun berkenaan.

"Apabila berita kehilangan Zayn Rayyan tular di media sosial, kita ambil pendekatan di peringkat awal dengan membawa kaunselor untuk berjumpa dengan ibu kanak-kanak terbabit, Ismanira Abdul Manaf (28).

"Ketika itu, kita menggalakkan supaya ibu Zayn Rayyan membuat laporan polis mengenai kehilangan kanak-kanak berkenaan selain memberikan kaunseling," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, apabila mayat Zayn Rayyan ditemukan meninggal dunia berhampiran rumahnya di Apartmen Idaman, Damansara Damai, Petaling Jaya, Selangor pada 6 Disember lalu, polis menasihatkan supaya bantuan kaunseling ditangguhkan sementara siasatan dijalankan.

"Memandangkan kejadian itu sudah menjadi kes polis, kita mengikut saranan mereka supaya ditangguhkan sementara bantuan kaunseling bagi membolehkan siasatan dijalankan," katanya.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan Zayn Rayyan ditemukan meninggal dunia di saluran air kira-kira 200 meter dari Apartmen Idaman, Damansara Damai, kira-kira 10 malam 6 Disember lalu selepas dilaporkan hilang lebih 30 jam.

Mangsa kemudian disahkan dibunuh berdasarkan hasil bedah siasat yang menemui kesan kecederaan pada leher dan badannya.

Setakat ini, polis belum menemui petunjuk kukuh bagi mencari pembunuh Zayn Rayyan dengan operasi mencari bukti masih diteruskan di sekitar Apartmen Idaman dan tiada mana-mana individu boleh dikaitkan dalam kes bunuh kanak-kanak berkenaan.



Platform GoBarakah memudahkan umat Islam berwakaf



DR Mohd Na'im Mokhtar (tengah) menyaksikan pertukaran MoU antara Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) Dr. Ridzwan Bakar (kanan) bersama Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan LC Wakaf Digital Sdn Bhd Rizal Kamaruzzaman (kiri) pada majlis menandatangani kerjasama strategik Antara Yayasan Waqaf Malaysia dan LC Wakaf Digital Sdn Bhd di Kompleks Islam Putrajaya di sini, hari ini. -UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Oleh AMREE AHMAD 19 Disember 2023, 6:19 pm

PUTRAJAYA: Umat Islam di negara ini kini boleh melaksanakan ibadah wakaf atas talian dengan membeli baucar secara elektronik yang disediakan menerusi platform GoBarakah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, langkah itu antara usaha terbaharu untuk mempelbagaikan lagi kaedah berwakaf.

"Matlamat kita hendak menggalakkan masyarakat Islam bagi menjadikan wakaf sebagai amalan dengan melalui banyak kaedah mudah," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, beliau menyaksikan pemeteraian kerjasama strategik GoBarakah antara pihak Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dengan penyedia platform, LC Wakaf Digital Sdn. Bhd.

Syarikat tempatan ini berdaftar dengan Kementerian Kewangan ditubuhkan lebih setahun lalu mentadbir laman bantuan sosial secara digital, mesra pengguna dan patuh syariah.

YWM diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Ridzwan Bakar manakala LC Wakaf Digital pula oleh Pengasas Bersama dan Pengarah Pembangunan, Rizal Kamaruzzaman.

Pada 8 November lalu, platform ini dilantik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk program bantuan sosial dan komuniti yang pintar serta bersepadu.

Mengulas lanjut, Mohd. Na'im berkata, kaedah wakaf menerusi GoBarakah boleh dibuat sama ada berbentuk tunai atau sumbangan pembelian baucar dikenali sebagai e-voucher.

"Hasil kutipan ini kemudian akan diserahkan pula kepada pihak YWM untuk tujuan agihan yang meliputi pelbagai jenis skim telah ditetapkan oleh agensi berkenaan," tambah beliau.

Sebagai permulaan, ujarnya, platform tersebut bakal mempromosikan kutipan Kempen Solidariti Wakaf Sejuta Al-Quran dengan nilai hanya RM38 bagi setiap naskhah kitab suci itu.

Selain itu, GoBarakah jelas beliau, turut menawarkan pilihan untuk berwakaf menerusi kaedah sumbangan dana kepada Palestin di bawah seliaan Tabung MUSAADAH Jakim-YWM.

Justeru, Mohd. Na'im optimis dengan kerjasama tersebut, umat Islam akan lebih mudah mengamalkan wakaf selaras situasi perkembangan teknologi moden yang lebih pantas.

Langkah berkenaan juga katanya, sejajar dengan program pendigitalan dilaksanakan oleh Kerajaan Perpaduan untuk segala urusan perkhidmatan transaksi dilakukan atas talian.

YWM merupakan entiti wakaf kebangsaan yang ditubuhkan pada 23 Julai 2008 lalu di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

Lembaga Pemegang Amanahnya, dipengerusikan oleh menteri hal ehwal Islam dengan ahli-ahlinya terdiri daripada Majlis Agama Islam Negeri, agensi awam dan tokoh korporat. -UTUSAN



Kempen Komuniti Penyayang 2023 Ayam Brand™ perkasa 1,065 kanak-kanak

oleh HANIZAH BASRI | 18 Disember 2023 | 10:15am | Masa membaca: 1 minit



SHAH ALAM - Dianggarkan 5.6 juta kanak-kanak Malaysia yang ke sekolah berdepan dengan masalah beban berganda malnutrisi.

Beban berganda malnutrisi didefinisikan sebagai kanak-kanak yang kurang mendapat makanan berkhasiat bersiko untuk menjadi obes apabila dewasa kelak.

Bagi mengatasi isu ini, Ayam Brand™, satu jenama yang terkenal dengan produk makanan berkualiti tinggi, sihat, dan lazat kini kembali dengan inisiatif tahunannya, Kempen Komuniti Penyayang 2023, Berhemka #AyamBersamaMu yang berkonsepkan "Tambah Sihat Bersama Ayam Brand™".

Kempen ini telah mendekati 1065 kanak-kanak dari 25 rumah kebajikan di enam negeri untuk menyediakan bekalan makanan selama dua bulan atau kira-kira 35,028 makanan berkhasiat.

Bukan sekadar menyumbang produk makanannya, Ayam Brand™ dengan usaha sama KFU Healthcare Berhad (KFU Healthcare) akan mengadakan bengkel pemeriksaan mata dan cermin mata preskripsi secara percuma kepada kanak-kanak yang lebih berkhasiat berdasarkan konsep 3S (Suku-suku Separuh) Pnggan Sihat Malaysia.



Bagi menangani masalah penglihatan, Ayam Brand™ bekerjasama dengan Focus Point Vision Care Group Sdn. Bhd. untuk menyediakan pemeriksaan kesihatan mata dan cermin mata preskripsi secara percuma kepada kanak-kanak yang memerlukan di rumah amat terbahit.

Di samping itu, setiap rumah yang mengambil bahagian akan turut menerima produk-produk Ayam Brand™ yang kaya dengan protein, kalsium, Omega-3 dan serat, serta diyekini halal, termasuk Tuna Mayones Ayam Brand™, Kacang Panggang dalam Sos Tomato Ayam Brand™ dan Soya Kepingan Lemp Ayam Brand™. Ayam Brand telah duseratkan dalam senarai puñh Jakm sebagai Jenama Makanan Halal Yang Diyakini.

Pengurus Pemerasan A. Clouet (Malaysia) Sdn. Bhd, Teoh Wei Ling, berkata, risiko malnutrisi berganda dan miopia dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia memerlukan sokongan daripada semua pihak termasuk organisasi seperti Ayam Brand™.



Trilahn sebab, Ayam Brand mengambil pendekatan untuk membantu. Secara ideal, kanak-kanak perlu mendapatkan makanan berkhasiat sejak mereka lahir. Ayam Brand™ mempunyai sejarah yang panjang dalam menyumbangkan produk berkhasiat dan sihat kepada komuniti, malah kami akan meneruskan komitmen ini.

"Walaupun kami percaya bahawa penyediaan produk kami merupakan satu penyelesaian segera, tetapi untuk jangka panjang, mendidik kanak-kanak untuk membuat pilihan makanan yang lebih sihat merupakan satu keutamaan. Produk kami kaya dengan protein, kalsium, Omega-3, serta vitamin dan mineral yang memberi manfaat kesihatan kepada kanak-kanak termasuk kesihatan mata mereka,"katanya.

Menurutnya, Kempen Komuniti Penyayang Ayam Brand™ yang kini memasuki tahun ke-18 telah menyumbangkan lebih 23 juta hidangan sihat dan menyediakan makanan berkhasiat kepada lebih 27,293 individu di 610 rumah kebajikan dan NGO.

"Melalui bengkel, kanak-kanak berpeluang untuk mempelajari cara membuat pilihan makanan yang lebih sihat bersama pakar pemakanan Pakar Pemakanan KFU, Tiwaksu Kuala Lumpur Specialist Hospital, Nabihah Harnan-Razaeqah.




"Beliau telah berkolaborasi dengan Pnggan Sihat Malaysia serta memperkenankan kepentingan Omega-3 dalam penjagaan kesihatan mata. Setiap kanak-kanak akan mempraktikkan pengetahuan baharu mereka dengan menyediakan snek sihat yang mengikut konsep Suku-suku Separuh dibantu oleh pasukan KFU dan Ayam Brand™,"katanya.

Sementara itu, Pengurus Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras, Jamaluddin Bin Wahab, berkata, pihaknya sentiasa tertunggutunggut Kempen Komuniti Penyayang Ayam Brand™.

"Kami menandakan kempen kerana ia menyeronokkan, berlimu, penuh maklumat dan menarik minat serta mencetuskan semangat kepada kanak-kanak untuk bersedia sihat dan menjaga pemakanan mereka.

"Kami amat mengalu-alukan sumbangan cermin mata preskripsi kerana sagelintir kanak-kanak di rumah ini mengalami miopia. Tambahan pula, cermin mata juga agak mahal. Sumbangan ini pasti akan membantu mereka melihat dengan lebih jelas pada masa hadapan,"katanya.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Kempen Komuniti Penyayang #AyamBersamaMu, sila layari laman <https://www.ayambrand.com.my> atau <https://www.facebook.com/ayambrandmalaysia>.



Mahkamah kesal, keputusan kes hendap jurugambar wanita ditangguh esok

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN [Follow](#) 19 Disember 2023 12:15pm Masa membaca: 1 minit



Mohamad Safiq (dua dari kiri) dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam pada Ogos lalu bagi menghadapi pertuduhan kes menghendap seorang jurugambar

SHAH ALAM - Mahkamah Majistret di sini kesal dan terlepas pandang untuk mengeluarkan permohonan perintah kehadiran (OTP) pesalah bagi kes menghendap seorang jurugambar wanita, bagi prosiding jatuh hukum pada Selasa.

Majistret, Sasha Diana Sabtu berkata demikian selepas mahkamah dimaklumkan, Mohamad Safiq Rosli, 37, masih berada di penjara.

Ini menyebabkan sesi mitigasi dan keputusan sabitan yang sepatutnya diketahui pada Selasa, ditangguhkan ke Rabu.

"Bagaimanapun, saya menghargai kehadiran semua pihak dan kes ini akan dipanggil semula esok," kata Majistret itu.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Zilfinaz Abbas berkata, pihak pendakwaan difahamkan tertuduh tidak dibawa ke mahkamah.

"Kami diberitahu oleh jurubahasa, tertuduh itu hanya akan dibawa pada pagi esok, jadi kami mohon prosiding ini ditangguh bagi fakta kes dan hukuman," katanya.

Pada 10 Ogos lalu, mahkamah memerintahkan tertuduh yang juga seorang bekas pereka sambil menjalani pemeriksaan psikiatri di Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak.

Ia selepas mahkamah membenarkan permohonan pendakwaan supaya lelaki itu dihantar ke hospital mengikut Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah (CPC).

Mengikut pertuduhan, Mohamad Safiq mengaku tidak bersalah atas satu pertuduhan mengganggu Acacia Mardiana Daud, 31, secara berulang, dengan menghantar komunikasi menggunakan akaun di aplikasi X, "@sopert99" kepada mangsa di akaun "@ShaFoShizzle", yang telah dibaca di sebuah rumah di daerah ini pada 15 hingga 21 Julai lalu.

Tertuduh yang kini menganggur, sepatutnya mengetahui bahawa gangguan terbabit boleh mendatangkan ketakutan kepada mangsa.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 507A (1) Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 507A (3) kanun sama yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Bagaimanapun, dia disabitkan atas kesalahan tersebut selepas menukar pengakuan kepada bersalah ketika prosiding sebutan kes, Jumaat lalu.

Pada prosiding sama, Zilfinaz memohon mahkamah merujuk kepada Seksyen 347 dan 348 Kanun Tatacara Jenayah selepas menerima laporan perubatan psikiatri tertuduh.

Laporan perubatan didapati, terdapat ketidakwarasan terhadap tertuduh, tetapi menurut pegawai perubatan, tertuduh layak dibicarakan dan membuat pengakuan.


Ini bermakna perbicaraan penuh boleh dijalankan meski pun tertuduh mengaku bersalah.

Mahkamah kemudian menerima pengakuan bersalah Mohamad Safiq dan pihak pendakwaan memohon tarikh baharu bagi fakta kes serta hukuman.

Sasha Diana menetapkan Selasa ini untuk tujuan tersebut.

Mohamad Safiq merupakan individu pertama didakwa di bawah Seksyen 507A Kanun Keseksaan selepas akta tersebut dikuatkuasakan pada tahun ini.

Turut hadir, peguam, Filthril Hakim Ab Jalil mewakili tertuduh sementara peguam pemerhati, Jason Wee bagi pihak mangsa.



550 bayi diselamatkan daripada dibuang di tong sampah, kaki lima

Oleh Tutty Haryanti Ahmad Rodzi - Disember 19, 2023 @ 11:19am
bhnews@bh.com.my



OrphanCare menyelamatkan 550 bayi daripada menjadi mangsa dibuang. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR Yayasan OrphanCare sudah menyelamatkan seramai 550 bayi sejak 2008 dengan purata tiga hingga empat bayi sebulan.

Pengerusi Yayasan OrphanCare, Tan Sri Faizah Mohd Tahir, berkata daripada jumlah itu kira-kira 70 peratus bayi berkenaan diambil untuk dijadikan sebagai anak angkat oleh keluarga yang disaring dengan teliti.

"Sebanyak 30 peratus lagi bayi dijaga oleh ibu kandung mereka sendiri selepas mendapat bimbingan daripada yaysan," katanya pada majlis ulang tahun Yayasan OrphanCare Ke-15 di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Penaung Yayasan OrphanCare, Cik Puan Besar Kalsom Abdullah dan Ahli Majlis Tertinggi Yayasan Sime Darby, Puan Sri Normah Hashim.

Baby Hatch ditubuhkan sejak 2010 untuk membantu menyelamatkan bayi dibuang ibu selepas dilahirkan, dan mencari ibu bapa angkat bagi bayi yang tinggalkan atau tidak mampu dijaga ibu kandung.

Faizah berkata, usaha dilakukan Yayasan OrphanCare semakin mendapat tempat dan ketika ini terdapat ramai keluarga yang sudah mendaftar dengan yaysan itu.

Malah katanya, ketika ini terdapat kira-kira 100 keluarga dalam senarai menunggu untuk mendapatkan anak angkat.

Justeru katanya, yaysan itu yang bermula dengan empat kakitangan, kini sudah mempunyai seramai 18 kakitangan di tiga cawangan iaitu di Petaling Jaya, Johor Bahru dan Sungai Petani.

"Perjalanan selama 15 tahun yaysan ini bukan suatu yang mudah terutama apabila membabitkan pembiayaan supaya usaha yang dilakukan ini berterusan.

"Namun, dengan matlamat utama untuk membantu anak-anak kurang bernasib baik ini dijaga keluarga angkat yang benar-benar inginkan cahaya mata, saya yakin usaha kami akan berterusan sama seperti misi kami, memberikan harapan kepada anak-anak melalui keluarga penyayang," katanya.

Bayi dibuang meningkat


Beliau berharap, ramai pihak akan melihat usaha dilakukan mereka sekali gus turut sama membantu terutama dari segi pembiayaan.

Normah berkata, Yayasan Sime Darby sudah menjalinkan kerjasama erat dengan Yayasan OrphanCare sejak sembilan tahun lalu.

Katanya, usaha dilakukan kedua-dua yaysan itu memberi harapan kepada anak yatim, bayi tidak diinginkan dan ibu tunggal yang mengandung untuk mendapatkan pelbagai bantuan seperti proses pengambilan anak angkat, penyahinstitusi dan kaunseling.

"Oleh kerana statistik bayi malang yang dibuang terus berada dalam keadaan membimbangkan, Yayasan Sime Darby amat berharap lebih ramai individu, syarikat dan organisasi bekerjasama dengan kami untuk menyokong usaha dilakukan Yayasan OrphanCare ketika ini.

"Saya berharap usaha ini akan dijalankan berterusan supaya dapat memberi kesan positif kepada masyarakat terutama dalam kehidupan mereka yang memerlukan," katanya.



TAJUK : JKM BERI BANTUAN KAUNSELING

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 DIS 2023

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

JKM beri bantuan kaunseling

Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) antara pihak terawal yang tampil memberi bantuan kaunseling kepada ibu kanak-kanak autisme, Zayn Rayyan Abdul Matiin semasa dia dilaporkan hilang pada 5 Disember lalu.

Jurucakap JKM berkata, pihaknya menerusi JKM Selangor memberikan bantuan itu sebaik menerima maklumat mengenai kehilangan kanak-kanak berusia enam tahun berkenaan.

“Apabila berita kehilangan Zayn tular di media sosial, kita ambil pendekatan di peringkat awal dengan membawa kaunselor untuk berjumpa dengan ibu kanak-kanak terbabit, Ismanira Abdul Manaf, 28.

“Ketika itu, kita menggalakkan supaya ibu Zayn membuat laporan polis mengenai kehilangan kanak-kanak berkenaan selain memberikan kaunseling,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, apabila mayat Zayn ditemui meninggal dunia berhampiran rumahnya di Apartmen Idaman, Damansara Damai, Petaling Jaya, Selangor pada 6 Disember lalu, polis menasihatkan supaya bantuan kaunseling ditangguhkan sementara siasatan dijalankan.

“Memandangkan kejadian itu sudah menjadi kes polis, kita mengikut saranan mereka supaya ditangguhkan sementara bantuan kaunseling bagi membolehkan siasatan dijalankan,” katanya.